LAMPIRAN I

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK MALAYSIA
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH

TATACARA PENDAFTARAN DAN PEMBAYARAN PERMOHONAN RAYUAN KEPADA UNIT PEPERIKSAAN MELALUI iPAYMENT

Nota Penting: - - -

1. Semua pelajar adalah **DIWAJIBKAN UNTUK MEMBUAT BAYARAN MELALUI ONLINE iPayment. TIADA LAGI BAYARAN SECARA TUNAI DITERIMA** oleh pihak institusi.
2. Pelajar dikehendaki mendaftar akaun sistem iPayment terlebih dahulu melalui pautan berikut: https://ipayment.anm.gov.my/
3. Pelajar boleh merujuk kepada Panduan *Tatacara Pendaftaran Pengguna iPayment dan Tatacara Bayaran Rayuan Permohonan iPayment* bagi Unit Peperiksaan, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah seperti di **LAMPIRAN I.**
4. Resit rasmi pembayaran yang dicetak daripada sistem iPayment hendaklah disertakan bersama borang permohonan rayuan dan dikemukakan kepada Unit Peperiksaan melalui Ketua Jabatan masing-masing.
5. Pelajar yang ingin mengemukakan permohonan rayuan bagi keputusan Gagal Berhenti (GB) hendaklah menghadiri sesi kaunseling terlebih dahulu di Unit Pengurusan Psikologi. Temu janji bersama kaunselor boleh dibuat melalui pautan berikut: bit.ly/TEMUJANJIKAUNSELOR
6. Pelajar dikehendaki memastikan semua borang dan dokumen permohonan lengkap dengan merujuk kepada *Senarai Semak Permohonan* seperti di **LAMPIRAN II.**
7. Maklumat lanjut berkaitan proses rayuan boleh diperoleh melalui Portal PSA di menu: **Dunia Kampus → Peperiksaan → Kes & Rayuan**

TATACARA PENDAFTARAN iPAYMENT

LANGKAH 1:

a. Layar masuk ke laman web https://ipayment.anm.gov.my/
b. Klik Daftar



LANGKAH 2:

c. Lengkapkan maklumat di semua medan



LANGKAH 3:

d. Lengkapkan maklumat di semua medan dan klik **'Daftar'**



LANGKAH 4:

e. Masukkan Kod Pengaktifan (6 digit angka) dalam e-mel yang digunakan semasa daftar akaun iPayment.

f. Klik **'Aktif Akaun'**



LANGKAH 5:

g. Sila Semak emel anda untuk pengaktifan akaun. Klik pada pautan yang diberikan.



LANGKAH 6:

h. Masukkan e-mel yang digunakan semasa daftar iPayment
i. Masukan kata laluan
j. Klik **'Log Masuk'**



LANGKAH 7:

Tahniah, anda telah berjaya mendaftar sebagai pengguna iPayment



LAMPIRAN I

TATACARA PEMBAYARAN PERMOHONAN RAYUAN KEPUTUSAN & SEMAKAN SEMULA SKRIP JAWAPAN DIBAWAH UNIT PEPERIKSAAN PSA MELALUI iPAYMENT

LANGKAH 1:

a. Layar masuk ke laman web https://ipayment.anm.gov.my/
b. Klik butang **Log Masuk.**



LANGKAH 2:

c. *Scroll* laman web hingga ke bawah sehingga menjumpai menu **Perkhidmatan**
d. Klik menu **Pendidikan**



LANGKAH 3:

e. Klik menu **Lain-lain**



LANGKAH 4:

f. Klik menu **UNIT PEPERIKSAAN PSA: PERMOHONAN RAYUAN & SEMAKAN SEMULA**



LANGKAH 5:

g. Masukan maklumat di medan yang diperlukan.

h. Bagi permohonan **Rayuan Keputusan**, medan **Kod Kursus dan Nama Kursus** diisikan dengan maklumat **'PERMOHONAN RAYUAN KEPUTUSAN GB'.** Bagi permohonan **Semakan Semula Skrip Jawapan Peperiksaan Akhir**, masukkan maklumat **Kod Kursus** dan **Nama Kursus** yang ingin dimohon.

i. Buat satu pilihan samaada '**Rayuan Keputusan**' bagi permohonan Rayuan GB atau '**Semakan Semula Skrip Jawapan**' bagi permohonan Semakan Semula Skrip Jawapan Peperiksan Akhir.

j. Masukan **bilangan** rayuan yang ingin dimohon.

k. Semak jumlah amaun pembayaran dan klik butang **'BAYAR'**
Perhatian: Amaun pembayaran bagi **Rayuan Keputusan adalah** sebanyak **RM50.00** bagi setiap permohonan**.** Manakala, bagi **Semakan Semula Skrip Jawapan** adalah sebanyak **RM25.00 bagi setiap kursus permohonan.**

RAYUAN KEPUTUSAN



SEMAKAN SEMULA SKRIP JAWAPAN



LANGKAH 6:

e. Seterusnya paparan menu bayaran adalah seperti berikut. Terdapat tiga kaedah pembayaran yang boleh dipilih oleh pelajar:
   - Perbankan Internet
   - Kad
   - E-Dompet

f. Perlu diingat, setiap transaksi bayaran perlu disimpan salinan resit bayaran sebagai bukti pembayaran. **Salinan resit pembayaran iPayment perlu dicetak dan disertakan bersama borang permohonan.**



g. Resit cetakan melalui sistem ipayment hendaklah dibuktikan bersama borang permohonan. Pastikan ia adalah Resit Rasmi Asal dan bukannya resit pembayaran daripada *online banking.*


Kew. 38E05-2023

KERAJAAN MALAYSIA

RESIT RASMI ASAL

Diterima Daripada [redacted]

No. Identiti
Alamat

No. Rujukan

PERBANKAN INTERNET

Perihal Bayaran : UNIT PEPERIKSAAN PSA : PERMOHONAN RAYUAN & SEMAKAN SEMULA

No.	Keterangan	Kod Akaun	Kuantiti	Amaun Seunit (RM)	Amaun (RM)
1.	SEMAKAN SEMULA SKRIP JAWAPAN > SEMAKAN SEMULA SKRIP JAWAPAN	-	1	25.00	25.00
				Jumlah Bayaran	25.00

Ringgit Malaysia : DUA PULUH LIMA SAHAJA

Catatan [redacted]

Jabatan
Kementerian

Ini adalah cetakan komputer dan tidak perlu ditandatangan.

Resit ini dijana oleh Sistem Terimaan Elektronik Kerajaan Persekutuan (iPayment).

No. Kelulusan Perbendaharaan: MOF.BKSK.600-2/9/2 Jld. 3 (23)

JANM16
Halaman 1